

# Bina tembok atau tragedi berulang

KOSMO 7/6/06.

SEPANG - Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Khir Toyo berkata, Taman Zooview dan kawasan sekitarnya yang terletak berhadapan kawasan tragedi tanah runtuh Kampung Pasir, Hulu Klang, menghadapi ancaman lebih buruk sekiranya tembok penahan tidak dibina secepat mungkin.

Beliau berkata, pihak berkuasa mahu pemaju terbabit menyoegerakan pembinaan tembok berkenaan bagi memastikan keselamatan penduduk.

Pemaju projek perumahan, terutama di Ukay Bestari, yang diarah mempercepatkan pembinaan tembok penahan, mendakwa mereka tiada peruntukan dan meminta kerajaan negeri memberi bantuan kewangan sekiranya ia mahu dipercepatkan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Siri 1/2006 di sini, semalam.

Kerajaan negeri bagaimanapun tidak akan melayan permintaan pemaju berkenaan kerana mereka perlu bertanggungjawab atas projek terbabit, katanya.

Mohamad Khir berkata, pemaju terbabit sebelum ini telah dinasihatkan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) membina tembok berkenaan bagi menahan cerun bukit di sekitar kawasan perumahan berkenaan.

Walaupun tembok dibina, namun akibat kelewatan pembinaannya iaitu setahun kemudian, selain tidak menepati spesifikasi pembinaan seperti yang diarahkan, tembok itu runtuh dalam tragedi Kampung Pasir Rabu lepas yang mengorbankan empat orang, termasuk dua kanak-kanak.

Mohamad Khir berkata, kerajaan negeri telah meminta Ikram menjalankan siasatan di



**KAWASAN** bukit berdekatan Taman Zooview, Hulu Klang sudah botak ditarah dan menimbulkan risiko berulangya tragedi tanah runtuh.

kawasan terbabit termasuk ke atas cerun dan kawasan runtuhan, terutama di Taman Zooview sebelum mengambil tindakan lanjut.

Berikutan tanah runtuh itu, Majlis Per-

bandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada Ahad lepas mengeluarkan notis kepada penduduk taman itu supaya mengosongkan rumah masing-masing.